



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : FIQH MUAMALAT
KOD KURSUS : DPI 3193
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **EMPAT(4)** soalan sahaja. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Firman Allah SWT:

Dan sesungguhnya ramai orang yang berkongsi (dalam perniagaan dan sebagainya): sebahagian mereka berlaku zalim kepada sebahagian yang lain.

Berdasarkan pernyataan ayat di atas:

- a. Berikan pengertian syarikat menurut bahasa dan istilah.

(3 markah)

- b. Jelaskan **tiga(3)** bentuk syarikat menurut ulama fiqh.

(6 markah)

- c. Bincangkan **tiga(3)** hikmah pensyariatan syarikat menurut Islam.

(6 markah)

SOALAN 2

Konsep akad dalam sistem perbankan Islam mempunyai rukun-rukun dan syarat-syarat tersendiri yang berbeza dengan sistem perbankan konvensional.

Berdasarkan pernyataan di atas:

- a. Jelaskan maksud akad menurut bahasa dan istilah
(3 markah)
- b. Huraikan **tiga(3)** rukun akad dalam muamalat Islam
(6 markah)
- c. Analisis **tiga(3)** keadaan yang menyebabkan kelayakan seseorang untuk melaksanakan akad terjejas atau terhalang.
(6 markah)

SOALAN 3

Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Seorang muslim adalah saudara kepada muslim yang lain, tidak halal bagi seorang muslim menjual sesuatu barangan yang ada kecacatan kepada saudaranya kecuali dia menjelaskan kecacatan kepadanya".

(Riwayat Imam Ibn Majah)

Berdasarkan pernyataan di atas:

- a. Nyatakan **tiga(3)** syarat barang dalam kontrak jual beli
(3 markah)

- b. Jelaskan **tiga(3)** kaedah yang boleh digunakan untuk mensabitkan aib pada suatu barangan.
(6 markah)

- c. Huraikan maksud khiyar syarat dan berikan **dua(2)** syarat khiyar syarat menurut muamalah Islam.
(6 markah)

SOALAN 4

Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

“Sesiapa yang ingin berjual beli salaf(salam), maka hendaklah dia berjual beli salaf(salam) dengan sukatan yang dimaklumi, dan timbangan yang dimaklumi, sehingga tempoh yang dimaklumi”

Berdasarkan pernyataan di atas:

- a. Nyatakan pengertian jual beli salam menurut bahasa dan istilah
(3 markah)
- b. Jelaskan **tiga(3)** rukun dan syarat jual beli salam
(6 markah)
- c. Bincangkan **tiga(3)** hikmah dibenarkan jual beli salam.
(6 markah)

SOALAN 5

Jelaskan **SEMUA** kontrak berikut menurut sistem muamalat Islam:

- a. Bai' bithaman ajil (3 markah)
- b. Al-rahnu (3 markah)
- c. Al-ijarah (3 markah)
- d. Mudharabah (3 markah)
- e. Al-inah (3 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan, jawab **DUA(2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

“Sorf ialah jual beli dua barangan yang kedua-duanya dalam bentuk matawang, ataupun jual beli wang dengan wang”

Berdasarkan pernyataan di atas, jual beli melibatkan matawang telah dibincangkan oleh para ulama fiqh. Terangkan secara terperinci hukum jual beli yang melibatkan matawang beserta hujah dan contoh jual beli matawang di zaman kini. Kemudian, terangkan secara terperinci **tiga(3)** syarat-syarat khusus bagi membolehkan tukaran matawang dilakukan.

(20 markah)

SOALAN 2

“Takaful merupakan satu pelan perlindungan berlandaskan Islam”

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan secara terperinci **tiga(3)** kepentingan takaful kepada manusia dan analisa secara terperinci **tiga(3)** perbezaan antara takaful dan insuran konvensional.

(20 markah)

SOALAN 3

"Ar – Rahnu merupakan pajak gadai berlandaskan sistem Islam"

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan secara terperinci **tiga(3)** kelebihan al-rahnu dan huraikan secara mendalam **tiga(3)** perbezaan antara al-rahnu dan pajak gadai konvensional.

(20 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

